

08 SEP 2001

SEA-Pembukaan

SUKAN SEA ALAF BARU BERMULA PENUH GILANG-GEMILANG

Oleh: D. Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Sukan SEA yang pertama di alaf baru bermula dengan upacara perasmian bersemangat yang gilang-gemilang di Stadium Nasional Bukit Jalil sambil 10 buah negara anggota Asean semakin mengukuhkan tali persahabatan dan keakraban menerusi bidang sukan.

Suasana penuh semangat dan kemeriahan yang tercetus pada majlis perasmian seperti menggambarkan kebangkitan semula negara-negara rantau ini daripada kegawatan ekonomi dan masalah politik yang melanda sebelum ini.

Stadium terbesar negara bergema dengan dentuman bunga api dan cahayanya serta kilauan laser apabila tuanrumah menyediakan persembahan menarik bagi menyambut kedatangan 6,000 atlit dan pegawai dari negara-negara peserta.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah merasmikan temasya sukan dwi-tahunan itu yang kembali semula ke Malaysia selepas giliran penganjuran 12 tahun lalu.

Tembakan meriam 10 das bergema sejurus selepas Seri Paduka Baginda mengisytiharkan pembukaan sukan kali kelima yang berlangsung di negara yang menganjurkan Sukan Komanwel terbaik, tiga tahun lalu.

Buat pertama kali juga, pembukaan diadakan serentak di Johor Baharu dan Pulau Pinang di mana beberapa acara turut berlangsung. Negeri Sembilan turut menjadi tuanrumah beberapa acara.

Selama sembilan hari berikut, para atlit akan berpesta pula di gelanggang dengan penuh semangat persahabatan dan kesukanan.

"Hubungan diplomatik antara sesebuah negara tidak boleh bertahan dengan hubungan erat antara pemimpin sahaja. Tanpa akar, pokok tidak akan tumbuh,"

"Matlamat memupuk persahabatan antara rakyat Asia Tenggara menjadi punca Sukan SEAP dimulakan di Bangkok pada 1959," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya sempena Sukan SEA ke-21.

Tepukan bergemuruh menyambut ketibaan Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong serta Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke stadium yang boleh memuatkan 100,000 penonton.

Antara tetamu khas yang turut hadir ialah Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, kedatangan penuh bermakna dan bukti hubungan erat daripada negara pengasas sukan itu.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia dan Persekutuan Sukan SEA Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Majlis perasmian selama enam jam itu bermula sejak 6 petang dengan persembahan konsert artis-artis tempatan.

Sebelum itu, acara sukan yang telah bermula sebelah siang menyaksikan Indonesia mengutip pingat emas sulung edisi kali ini menerusi acara trap oleh pasukan menembak wanitanya.

Tiga lagi pingat emas menjadi rebutan hari ini iaitu ekuestrian, gimnastik dan satu lagi acara menembak.

Berbeza dengan persembahan yang lazimnya mempamerkan aspek kebudayaan, Malaysia pada kali ini memberi penekanan kepada persembahan formasi dengan pertunjukan seni mempertahankan diri oleh 1,500 anggota Rakan Waja Diri yang diiringi kumpulan gendang.

Seramai 14 anggota payung terjun kemudian meneruskan acara tradisi dengan terjun bersama bendera-bendera negara peserta. Tiga daripada mereka bergaya seperti Si Tumas, maskot Sukan SEA ke-21.

Seperti kebiasaan, upacara kemuncak perasmian adalah perarakan oleh

kontinjen negara-negara peserta yang berpakaian tradisi.

Brunei Darussalam yang pertama kali menjadi tuanrumah dua tahun lalu mengetuai perarakan diikuti Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan tuanrumah selepas ini, Vietnam.

Kontinjen Malaysia yang segak berpakaian baju Melayu dan kebaya diketuai ketua kontinjen Datuk Mazlan Ahmad menerima sorakan dan tepukan paling bergemuruh daripada penonton.

Kontinjen Singapura mencuri perhatian dan menerima tepukan bergemuruh apabila membawa dua sepanduk yang memuji Malaysia. Sepanduk berkenaan tertera perkataan "Team Singapore mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas kejayaan menganjur Sukan SEA ke-21".

Juara bertahan Thailand yang berhasrat mempertahankan takhtanya menghantar kontinjen terbesar 650 atlit manakala pasukan terkecil seramai 85 orang adalah dari Kemboja.

Juga buat pertama kali dalam sejarah sukan yang berusia 42 tahun itu, seramai sembilan orang bekas atlit dari negara Asean termasuk ratu pecut Asia Lydia de Vega menyertai 12 bekas atlit negara dalam larian obor yang tiba ke stadium selepas dibawa menjelajah ke seluruh negara sejak Mac lalu.

Antara bekas ahli sukan negara yang diberi penghargaan memabawa obor berkenaan ialah bekas pemain bola sepak kebangsaan, Datuk Soh Chin Aun, ratu pecut Marina Bhatt (Chin), pelumba basikal Daud Ibrahim dan perenang sensasi Nurul Huda Abdullah.

Daud diberikan penghormatan menyalakan obor.

Sementara obor dinyalakan, juara lompat pagar wanita 400m negara Norasheela Khalid membaca ikrar bagi pihak para atlit.

Seri Paduka Baginda kemudian diperkenalkan kepada semua ketua kontinjen.

Sebanyak 391 pingat emas, 391 perak dan 501 gangsa ditawarkan pada edisi kali ini yang melibatkan 32 acara sukan. Acara bola sepak telah bermula sejak 1 Sept lalu.

Pertunjukan bunga api mengakhiri upacara perasmian dan temasya seterusnya akan bersambung di merata venue.

Di PULAU PINANG, kira-kira 5,000 peminat membanjiri Dataran Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) bagi menyaksikan upacara pembukaan yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas.

Selepas ketibaan Abdul Rahman pada kira-kira 8.55 malam, perarakan masuk kontinjen dimulakan, didahului Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan tuan rumah Malaysia.

Juara skuasy remaja dunia dua kali, Nicol David membawa bendera Jalur Gemilang bagi kontinjen Malaysia yang diketuai Timbalan Ketua Kontinjen Datuk Dosmy Ibrahim.

Upacara pembukaan dirasmikan apabila Abdul Rahman meletakkan tangan di "bola sakti" simbolik diikuti dengan pertunjukan bunga api yang menyinari ruang udara Dataran PISA selama 10 minit.

Selepas Abdul Rahman diperkenalkan kepada kesemua 10 kontinjen yang mengambil bahagian, penyanyi M. Nasir mengakhiri malam yang bersejarah buat penduduk Pulau Pinang dengan persembahan konsert.

Sebanyak empat jenis sukan -- boling, judo, skuasy dan wusyu -- dilangsungkan di Pulau Pinang membabitkan 669 atlit dan pegawai pasukan.

Di JOHOR BAHRU, pelbagai acara berwarna-warni diselangi dengan tarian tradisional menyambut upacara perasmian Sukan SEA ke-21 oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Johor Baharu menjadi tuanrumah bagi acara angkat berat, taekwondo, memanah dan pencak silat.

Abdul Ghani merasmikan upacara itu dengan memukul gendang Jidor atau gendang tradisional Johor sebanyak tiga kali didepan hampir 15,000 penonton di Stadium Larkin.

Kontinjen-kontinjen negara yang bertanding juga melakukan perbarisan. Seramai 10 orang bekas atlit negara yang berasal dari Johor diberi penghormatan membawa obor Sukan SEA untuk dinyalakan dan diikuti pembacaan ikrar oleh atlit memamah negara Lim Geok Pong.

Upacara perasmian itu turut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Tan Sri S.M. Salim dan beberapa artis tempatan serta pertunjukan bunga api selama 15 minit.

-- BERNAMA

MHI MKO MOZ